

At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah

**MUHAMMAD HASSAN
BIN DATO' KERANI
MUHAMMAD ARSHAD**

Penyelenggara
Dr Ibrahim Bakar Langkawi



KITAB SEJARAH KEDAH

AT-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH

Dengan ingatan Tulis Ikkles

Muhammad Hassan

2/10/2024

Dikarang Oleh

**MUHAMMAD HASSAN
BIN DATO' KERANI
MUHAMMAD ARSHAD**

Penyelenggara

DR IBRAHIM BAKAR LANGKAWI

Diterbitkan Oleh

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN KEDAH
(PSMCK)**

2018

PUSTAKA PERDANA




1013768





Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah
D.K., D.K.H., D.U.K., D.K. (Kelantan), D.K. (Johor), D.K. (Perak), D.K.
(Selangor), D.M.K., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K.
Sultan Negeri Kedah Darul Aman.

959.5103



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Sultanah Maliha Binti Tengku Ariff,
S.H.M.S., S.S.D.K., D.S.D.K.
Sultanah Negeri Kedah Darul Aman.**



Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Sultan Ahmad Tajuddin
Mukarram Shah, Sultan Kedah ke-26 (1881-1943).
Kitab At-Tarikh Salasilah ini telah dituliskan
dalam zaman pemerintahan baginda.

**PROJEK PENERBITAN TRANSLITERASI KITAB
AT-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH
2018**

BIRO PENERBITAN DAN PEMASARAN
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK)
(Sessi 2017-2019)

Penasihat:
DATO' (DR) HAJI WAN SHAMSUDIN MOHD YUSOF

Editor:
DR IBRAHIM BAKAR LANGKAWI

Pembaca Peruf:
RAHINUN MOHD NOOR (Bahasa)

Ilustrasi Kulit dan Kandungan:
DR IBRAHIM BAKAR LANGKAWI

Pemasaran:
SEKRETARIAT PSMCK
HAJAH SOPIAH RAMLI (Setiausaha Pemasaran)
MOHD FIRDAUS ABU BAKAR (Bendahari Pemasaran)

Pencetak:
ASA MESRA PRINTER
No.4, Bandar Darul Aman,
06000, Jitra, Kedah Darul Aman.
Tel: 04-919 0621, 016-469 7844

Penerbit:
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN KEDAH
(PSMCK)
d/a Anjung Tunku Nong Jiwa,
Muzium Negeri Kedah,
Lebuhraya Darul Aman,
05100 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tel: 04-734 1817



Hakcipta Transliterasi Rumi
Naskhah Cetakan Jawi Pertama
© Dr Ibrahim Bakar Langkawi / Penyelenggara

Edisi Pertama 2018
ISBN:
978-983-43275-8-3

Diterbitkan oleh:

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah
(PSMCK),
d/a Anjung Tunku Nong Jiwa,
Muzium Negeri Kedah,
Lebuhraya Darul Aman,
05100 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tel: 04-734 1817



Gambar 1-3: Hiasan kulit luar (Gambar 1) menggunakan imej replika pintu gerbang Kota Tengah yang kini terletak di hadapan Galeri Sultan Abdul Halim Muadzam Shah di Alor Setar. Gambar no.3 di atas ialah lakaran semula Kota Tengah berdasarkan foto lama, diambil oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (gambar paling atas, no. 2), yang dilakar dalam tahun 1967 oleh Encik Abdul Wahab, untuk majalah stensilan keluaran PSMCK, 'Kedah Dari Segi Sejarah' edisi bulan Mei 1967. Pintu gerbang Kota Tengah itu kelihatan begitu megah berdiri dengan pekerjaan seni bina yang sangat halus. Ukurannya begitu besar, dikatakan muat untuk gajah muatan iaitu kenderaan utama dalam zamannya. Ia merupakan pintu utama ke istana, di mana pernah bersemayam di sana Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, Sultan Kedah ke-24 (1854-1879), bersama Paduka Bonda Wan Jah, kemudian diwarisi oleh Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Istana dan pintu gerbang ini terpaksa dirobokkan untuk memberi laluan kepada pembinaan bangunan Wisma Negeri, di sebelah utara Istana dan Balai Besar. Tapak tersebut telah mula dibuka sejak zaman Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II, Sultan Kedah ke-19 (1710-1778), yang membina dan berpindah ke Kota Setar pada 15 Syaaban 1148 Hijrah, bersamaan 30 Disember 1735 Masihi.

KANDUNGAN

		HALAMAN
1	SEPIAK SIRIH: KATA ALUAN PENERUS PSMCK	ix-xii
2	SENARAI SULTAN KEDAH 2018	xiii-xiv
3	PETA	xv-xviii
4	PENGENALAN NASKHAH	1-18
5	TEKS TRANSLITERASI RUMI	19-312
6	SENARAI RUJUKAN	313-317
7	LAMPIRAN	318-343

SEPIAK SIRIH

Kata Aluan Pengerusi PSMCK



Alhamdulillah, saya rasa amat bersyukur atas penerbitan buku At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (ASNK) ini. Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberi kesempatan oleh pihak Jawatankuasa Projek Penerbitan buku ini untuk menulis sesuatu tentangnya. Buku ini boleh dianggap sebagai sebuah karya yang sangat penting, dengan sifat-sifat istimewa yang tersirat di sebalik yang tersurat dalam kandungannya.

Antara keistimewaan buku ASNK ini ialah isi kandungannya serta usianya. Sejak awal penerbitannya dalam tahun 1928, kini telah mencapai umur hampir seabad, namun ia masih tetap unggul digunakan sebagai bahan rujukan terpenting.

Berkaitannya, seorang tokoh agama, pendidik dan novelis yang awal, iaitu Syed Syeikh Al-Hadi pernah memuji pengarang asal buku ini. Beliau telah mengangkat Muhammad Hassan, pengarang buku ini, sebagai seorang penulis sejarah kesultanan yang terawal, yang mempunyai kesedaran cintakan kepada bangsa dan watan, yang perlu dicontohi oleh penulis-penulis lain. Syed Syeikh Al-Hadi jugalah yang telah menyebarkan buku ini untuk khalayak ramai, melalui syarikat percetakannya, bernama Jelutung Press, bertempat di Pulau Pinang.

Saya yakin, walaupun Muhammad Hassan tidak menyatakan sumber rujukan penulisannya, tetapi beliau tentu mempunyai koleksi sumber-

sumber penting, yang terdiri daripada sumber-sumber luar, simpanan catatan beliau sendiri serta pengalaman beliau sendiri, kerana beliau pernah berkhidmat sebagai 'Setiausaha Sulit' Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah ke-26. Cara beliau menulis, dengan memasukkan tarikh atau tahun setiap peristiwa yang dikisahkan, membolehkan beliau dianggap sebagai seorang sejarawan.

Didapati pada peringkat awal penulisan beliau mencatatkan tahun sebagai tahun Hijrah, iaitu bermula dengan tahun 531 Hijrah, bersamaan tahun 1136 Masihi. Catatan tahun Hijrah itu berterusan hingga pada masa kemangkatan Tunku Anum, Raja Negeri Kubang Pasu Darul Qiyam, yang dicatatkan pada 20 Syaaban, 1259 Hijrah, kemudian disertakan dengan tarikh 31 Mei 1853, iaitu persamaan tahun Masihinya. Mulai saat itu, Muhammad Hassan meletakkan kedua-dua tarikh Hijrah dan Masihi dalam kisah-kisahannya. Cara pengkisahan Muhammad Hassan amat berbeza dengan kitab sejarah Kedah yang lebih tua, iaitu Hikayat Merong Mahawangsa, kerana beliau memasukkan tarikh manakala Hikayat tersebut langsung tidak ditemui catatan tarikh dalam kisah-kisahannya.

Ada beberapa peristiwa bersejarah yang penting, yang dikisahkan dalam buku ASNK ini, yang tidak pernah ditulis dalam mana-mana catatan lain sebelumnya. Maka, tanpa buku ASNK ini barangkali peristiwa tersebut tidak diketahui oleh masyarakat umum. Antaranya ialah kisah syahidnya ulama besar Nusantara di bumi Senggora, sekarang dalam Thailand, ketika beliau itu berjuang bersama-sama dengan seorang wira Kedah, iaitu Tunku Muhammad Saad ibni Tunku Daud, di awal tahun 1838. Beliau ialah Syeikh Abdul Samad Al-Falimbani, pengarang kitab-kitab Hidayatus Salikin dan Siyyarus Salikin dan merupakan putera kepada Syeikh Abdul Jalil Al-Mahdani, Mufti Kedah dalam zaman Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II.

Selain itu dikisahkan pula tentang peristiwa 'Perasmian Masjid Zahir' pada hari Jumaat 6 Zulhijjah, 1333 Hijrah, bersamaan dengan 10 Mei 1915 Masihi, yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Berikutnya baginda telah mengimamkan solat Jumaat pada tengah hari itu, manakala sebelum itu adinda baginda sendiri, Tunku Mahmud, telah menyempurnakan bacaan khutbah Jumaat. Selain itu telah disebut pula kisah 'Perkahwinan Lima Putera-Puteri Sultan Abdul Hamid' di Alor Setar pada tahun 1904 yang dikatakan amat meriah sehingga menjadi ingatan kebanyakan orang-orang tua sezamannya. Kenduri besar tersebut telah berjalan selama 3 bulan bagi mendekatkan pihak istana dengan rakyat jelata.

Melalui catatan ringkas ini, saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih dan ucapan syabas kepada pihak keluarga pengarang asal kitab ASNK ini, kerana keprihatinan mereka untuk meneruskan penyebaran fakta sebenar, dengan mengizinkan ASNK diterbitkan semula oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, di samping sama-sama kita dapat memelihara dan memartabatkan sejarah Malaysia amnya.

Pengeluaran semula buku ini telah lama dinantikan oleh masyarakat umum. Sejak cetakan pertamanya dalam tahun 1928 dalam huruf jawi, kemudian dialih tulisannya menjadi rumi dalam tahun 1968, kini kedua-dua jenis buku tersebut sudah tidak ada dalam pasaran. Dikira dari masa itu, sudah mencapai 50 tahun, barulah kini kita dapat menatap semula buku yang dinamakan At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah ini.

Penerbitan semula buku ini adalah sangat penting, kerana ia merupakan buku rujukan ahli-ahli sejarah, pengkaji-pengkaji, peminat-peminat sejarah tempatan, malah ia menjadi buku rujukan oleh pihak kerajaan negeri Kedah, terutama berkaitan dengan salasilah kesultanan. Sehingga kini, inilah buku yang paling lengkap menyenaraikan nama-nama Sultan Kedah yang pernah memerintah mengikut urutannya, lengkap dengan tarikhnya sekali.

Kini, telah tersenarai 29 orang Sultan yang memerintah Kedah, sejak tahun 1136 Masihi apabila diisytiharkan Kerajaan Islam Kedah Darul Aman. Walau pun buku ini hanya menceritakan sehingga Sultan Kedah ke-26, iaitu Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, namun ia tetap menjadi rujukan penting hingga sekarang. DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah adalah nenda Sultan Kedah ke-29 yang sekarang sedang memerintah negeri Kedah, mulai tahun 2017, iaitu DYMM Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah. Dijangka dan diharapkan kitab ini akan tetap menjadi rujukan yang harus dimiliki oleh setiap jabatan kerajaan, sekolah-sekolah, mahu pun pihak swasta, atau masyarakat umum, yang kerap merujuk tentang fakta-fakta sejarah berkenaan negeri Kedah.

Pihak Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah juga menggunakan buku ini sebagai rujukan asas tentang kesultanan Kedah. Perkara ini agak perlu diambil perhatian kerana kita mahu mengelak kekeliruan dan supaya wujud suatu penyelarasan dalam penulisan-penulisan mengenai sejarah Kedah yang tepat. Sebelum ini pernah ada kekeliruan tentang senarai dan urutan Sultan-Sultan Kedah, contohnya berkaitan dengan kesahihan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II dalam senarai tersebut. Namun, mengikut kajian pakar-pakar sejarah yang telah mengemukakan bukti-bukti, PSMCK mendapati baginda ini perlu diletakkan dalam senarai raja-raja kita. Berkaitan ini

diharap pada masa akan datang tiada lagi keraguan mana-mana pihak tentang senarai yang telah dipersetujui oleh pihak istana Kedah ini.

Adalah menjadi hasrat pengarang asal, yang telah mendapat titah tanggung jawab dari pihak kerajaan Kedah pada zamannya, untuk menyediakan catatan peristiwa yang benar mengenai negeri ini, bagi pengetahuan masyarakat umum. Namun dengan sebab perjalanan masa yang panjang telah berlalu, buku ASNK ini telah hilang di mata masyarakat umum, hinggalah pada masa ini ia berada semula di tangan pembaca. Kepada Dr Ibrahim Bakar Langkawi harus diberikan kepujian kerana usahanya membuat selenggaraan dan transliterasi buku-buku yang telah tiada dalam pasaran itu, daripada jawi ke rumi bagi memudahkan masyarakat baru membacanya, di samping mengekalkan susunan bahasa aslinya. Ini bermakna para pembaca dapat mengikuti ungkapan dan bahasa dialek Kedah asal yang dilakukan oleh pengarang. Adanya usaha selenggaraan ini membolehkan persatuan menerbitkannya semula. Di samping itu, pihak persatuan sentiasa mengharapkan agar penulisan asal anak tempatan Kedah ini dapat terus diangkat kepada kedudukan yang lebih tinggi di mata masyarakat Malaysia, demi kesinambungan jati diri bangsa kita.

Alor Setar, 30 Januari 2018.



Dato' (Dr.) Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof, F.P.S.M., D.S.D.K.,
B.M.S., A.M.N., B.C.K.
Pengerusi,
Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah
(PSMCK).

Senarai Sultan Kedah 2018

BIL.	SULTAN	MULA MEMERINTAH	TAMAT MEMERINTAH / MANGKAT	MAKAM DAN GELARAN
1	Sultan Al-Mudza'ffar Shah I	531 H = 1136 M	13 Safar 575 = 20 Julai, 1179	Langgar Diraja Kg Pengkalan Bujang
2	Sultan Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Al-Mudza'ffar Shah	13 Safar 575 = 20 Julai, 1179	8 Syaaban 598 = 3 Mei, 1202	Langgar Diraja Kota Bukit Meriam
3	Sultan Muhammad Shah ibni Almarhum Sultan Mu'adzam Shah	8 Syaaban 598 = 3 Mei, 1202	13 Jamadilawal 634 = 12 Disember, 1236	Langgar Diraja Kota Bukit Meriam
4	Sultan Mudzil Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah	13 Jamadilawal 634 = 12 Disember, 1236	8 Rabiulakhir 679 = 7 Ogos, 1280	Langgar Diraja Kota Sungai Emas
5	Sultan Mahmud Shah ibni Almarhum Sultan Muzzil Shah	8 Rabiulakhir 679 = 7 Ogos, 1280	15 Rabiulakhir 721 = 14 Mei, 1321	Langgar Diraja Kota Sungai Emas
6	Sultan Ibrahim Shah ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah	15 Rabiulakhir 721 = 14 Mei, 1321	11 Rejab 775 = 27 Disember, 1373	Langgar Diraja Kota Seputih
7	Sultan Sulaiman Shah I ibni Almarhum Sultan Ibrahim Shah	11 Rejab 775 = 27 Disember, 1373	15 Syaaban 826 = 24 Julai, 1423	Langgar Diraja Kota Seputih
8	Sultan Atha'allah Muhammad Shah I ibni Almarhum Sultan Sulaiman Shah	15 Syaaban 826 = 24 Julai, 1423	15 Syaaban 877 = 15 Januari, 1473	Langgar Diraja Kota Seputih
9	Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Shah I ibni Almarhum Sultan Atha'allah Muhammad Shah	15 Syaaban 877 = 15 Januari, 1473	13 Muharram 912 = 5 Jun, 1506	Langgar Diraja Kota Seputih
10	Sultan Mahmud Shah II ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Shah	13 Muharram 912 = 5 Jun, 1506	13 Zulkaedah 953 = 5 Januari, 1547	Langgar Diraja Kota Seputih
11	Sultan Mudza'ffar Shah II ibni Almarhum Sultan Mahmud Shah	13 Zulkaedah 953 = 5 Januari, 1547	14 Safar 1011 = 3 Ogos, 1602	Langgar Diraja Kota Seputih
12	Sultan Sulaiman Shah II ibni Almarhum Sultan Mudza'ffar Shah	14 Safar 1011 = 3 Ogos, 1602	1 Jamadilakhir 1035 = 28 Februari, 1626 (Di Aceh)	Makam Pagarawan, Kota Raja, Negeri Aceh (Marhum Mangkat di Aceh)
13	Sultan Rijaluddin Muhammad Shah ibni Almarhum Sultan Sulaiman Shah	10 Rejab 1035 = 7 April, 1626	1 Zulkaedah 1062 = 4 Oktober, 1652	Langgar Diraja Kota Naga, Kubang Pasu (Marhum Naga)
14	Sultan Muhyiddin Mansur Shah ibni Tunku Hussian ibni Almarhum Sultan Rijaluddin Muhammad Shah	1 Zulkaedah 1062 = 4 Oktober, 1652	13 Jamadilakhir 1072 = 4 Januari, 1662	Langgar Diraja Cegar, Jeram, Kubang Pasu (Marhum Sena)
15	Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I ibni Almarhum Sultan Muhyiddin Mansur Shah	13 Jamadilakhir 1072 = 4 Januari, 1662	3 Jamadilakhir 1099 = 5 April, 1688	Langgar Diraja Kota Indera Kayangan, Perlis (Marhum Kayang I, Marhum di Hilir)


16	Sultan Atha'allah Muhammad Shah II ibni Almarhum Sultan Dhiauddin Mukarram Shah	3 Jamadilakhir 1099 = 5 April, 1688	13 Jamadilawal 1110 = 17 November, 1698	Langgar Diraja Bukit Pinang (Marhum Bukit Pinang I)
17	Sultan Abdullah Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Atha'allah Muhammad Shah	13 Jamadilawal 1110 = 17 November, 1698	13 Jamadilakhir 1118 = 22 September, 1706	Makam Diraja Langgar (Marhum Bukit Pinang II)
18	Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I ibni Almarhum Sultan Abdullah Muadzam Shah	13 Jamadilakhir 1118 = 22 September, 1706	26 Syaaban 1122 = 20 Oktober, 1710	Makam Diraja Langgar (Marhum Bukit Pinang III)
19	Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II ibni Almarhum Sultan Abdullah Muadzam Shah	26 Syaaban 1122 = 20 Oktober, 1710	1192 H = 1778 M	? Makam Diraja Langgar (Marhum Kota Setar I, Marhum Kayangan)
20	Sultan Abdullah Mukarram Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah	1192 H = 1778 M	10 Rabiulawal 1212 = 25 September, 1797	Makam Diraja Langgar (Marhum Muda Kota Setar II)
21	Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II ibni Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah	10 Rabiulawal 1212 = 25 September, 1797	Letak Jawatan: 13 Jamadilakhir 1219 = 19 September, 1804 Mangkat: 13 Safar 1230 H = 24 Januari 1815	Makam Diraja Kota Indera Kayangan, Kg. Tok Merehom, Perlis (Marhum Kota Kayang II, Marhum Muda Kayangan)
22	Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II ibni Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah	13 Jamadilakhir 1219 = 19 September, 1804	25 Zulhijjah 1260 = 3 Januari, 1845	Makam Diraja Langgar (Marhum Melaka)
23	Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah I ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah	25 Zulhijjah 1260 = 3 Januari, 1845	13 Jamadilakhir 1270 = 13 Mac, 1854	Makam Diraja Langgar (Marhum Muda Kota Setar III)
24	Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah	13 Jamadilakhir 1270 = 13 Mac, 1854	2 Rejab 1296 = 22 Jun, 1879	Makam Diraja Langgar
25	Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah II ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah	2 Rejab 1296 = 22 Jun, 1879	7 Syawal 1298 = 22 September, 1881	Makam Diraja Langgar
26	Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah	1 Rabiulawal 1299 = 21 Januari, 1882	8 Jamadilawal 1362 = 13 Mei, 1943	Makam Diraja Langgar
27	Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah	9 Jamadilawal 1362 = 14 Mei, 1943	25 Zulhijjah 1377 = 13 Julai, 1958	Makam Diraja Langgar
28	Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah	26 Zulhijjah 1377 = 14 Julai, 1958	20 Zulhijjah 1438H = 11 September 2017	Makam Diraja Langgar
29	Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah	Dimasyhurkan pada 21 Zulhijjah 1438H = 12 September 2017	Kini sedang bertakhta	



Peta 1: Kedudukan Negeri Kedah dan Negeri-Negeri Jiran Sekitar




Peta 2: Lokasi Kota-Kota di Lembah Bujang, Kedah Selatan



Peta 3: Lokasi Kota-Kota di Kedah Utara





Peta 4: Pusat Bandar Alor Setar

PENGENALAN



« بسم الله الرحمن الرحيم »

تله دمولا ئي اكن تواريخ سلسيله اين دغن

بسم الله دان داير يغي قولق دغن الحمد لله رب العالمين

سكل فوجي ۲ين باكي الله يغ نميليكي سكلين عالم

« اما بعده ادقون مدين درفدايت قد هجرة

7 سريبو تيگ راتس امثت قوله ليم ۱۳۴۵ قد سهار يولن

رجب زمان سري قدوك سلطان سر عبد الحميد حليم شاه

كي سي عيم جي ابن المرحوم سلطان احمد تاج الدين

مكرام شاه يغمه امليا لاني يغمه تكي دولت برسمانم

داتس تخت كرجاءن نكري قدح « دارالامان دان قد ماس

تزهفقون ككواسان سلطان يغمه امليا كقدقتران دل

تغكو ابراهيم سي عيم جي سي وي او يغمه امليا

ريجين مك تكلالايت برتته سوروه مظاهير كن

تواريخ سلسيله اين سقاي دكتهوي اوله ايسي نكري مك

ترجوعه ايت بهوا اينله تواريخ سلسيله مولا ئي

مولا ئي سكار ماشين ادقون اصل جتوا اين دهولو درفد

PENGENALAN

Bi-smi-llahi- r-rahmani- r-rahim. Al-hamdu li-llahi –rabb -il-'alamin. Wassalatu-wassalamu 'ala Saiyyidina Muhammadin-in-Nabiyy-il-ummiyyi, wa 'ala aali-hi wa sohbihi wa sallam ajma'in. Subhanaka la 'ilma lana, illa ma 'allam tana, innaka anta-l-'alim-ul-hakim. Allahumma rabbisy-rahli sadri, wa yassirli amri, wahlul 'uqdatan min lisani, yafqahu qauli. Syukur Alhamdulillah kerana buku ini dapat sampai ke tangan anda sebagai pembaca. Dengan adanya buku ini di tangan anda yang budiman, pihak kami sentiasa yakin dan mendoakan agar diperoleh manfaat daripada sumber ilmu yang benar.

Buku yang hendak diperkenalkan ini dikenali sebagai 'At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah', kerap kali disebut 'At-Tarikh Salasilah' atau 'At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman', atau dipendekkan menjadi ASNK sahaja. Sejak buku ini diterbitkan sebagai cetakan jawi dalam tahun 1928 ia telah lama hilang di persada masyarakat umum. Kemudian dalam tahun 1968 ia telah dirumikan dengan sedikit perubahan, itu pun sudah tiada dalam pasaran untuk ditatap oleh masyarakat. Dengan itu keperluan untuk memperkenalkan semula ke persada masyarakat amat mendesak. Buku yang amat penting bagi sejarah negeri Kedah ini amat perlu diketengahkan semula agar dapat disambung cita-cita pengarangnya untuk menyebarkan maklumat silam berkenaan masyarakat Kedah umumnya. Berkaitan itu, setelah segala macam rintangan yang dilalui, saya amat bersyukur kerana Allah telah mengurniakan dorongan dan laluan untuk diselesaikan selenggaraan ini.

Setakat ini diketahui wujud empat jenis naskhah yang serupa dan telah dianggap sebagai 'At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah', namun hakikatnya naskhah-naskhah itu terdapat kelainan dengan sifatnya masing-masing. Untuk tujuan pengenalan ini kita namakan naskhah-naskhah tersebut sebagai Naskhah A, Naskhah B, Naskhah C dan Naskhah D.

Naskhah A

Pada tarikh 1 Rejab tahun 1345 Hijrah, bersamaan 5 haribulan Januari 1927, Duli Yang Teramat Mulia Tunku Ibrahim ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Tunku Sulung), iaitu Regent Kedah, telah menitahkan Encik Muhammad Hassan bin Dato' Kerani

Muhammad Arshad, Setiausaha Sulit Sultan Abdul Hamid Halim Shah, supaya menulis tentang sejarah negeri Kedah. Buku yang dinamakan 'At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman' (ASNK) itu dalam bentuk tulisan tangan (manuskrip) telah selesai ditulis dalam tahun tersebut juga, iaitu Naskhah A.

Naskhah ini ialah manuskrip jawi yang dimaksudkan untuk panduan kerja-kerja mencetak buku. Dijangka naskhah asal itulah yang telah dihantar kepada syarikat percetakan Jelutung Press, di Pulau Pinang untuk diproses. Setelah selesai percetakan maka naskhah asal itu dikembalikan kepada pengarang. Naskhah tersebut kemudian diwarisi oleh keluarga pengarang, kemudian dihadiahkan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, setelah pengarangnya meninggal dunia. Kini naskhah tersebut tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.



Gambar 4: Tunku Ibrahim ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Regent Kedah, Telah menitahkan pada 5 Januari 1927, supaya ditulis Kitab At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman

Naskhah B

Seterusnya dalam tahun 1968, seorang pelajar pengajian sejarah Universiti Malaya, bernama Mohd Zahid Mohd Shah, telah melakukan kajian terhadap naskhah manuskrip jawi itu dan telah merumikannya. Ketika itu beliau sedang bekerja sementara di

Dewan Bahasa dan Pustaka. Berikutnya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka menerbitkan hasil transliterasi tersebut untuk dijual kepada umum. Bagi tujuan penyelenggaraan sekarang ini, buku bertulisan rumi itu dinamakan Naskhah B.

Naskhah C

Naskhah ini adalah buku cetakan oleh Jelutung Press, bertulisan jawi huruf cetak, diterbitkan dalam tahun 1928. Bagi tujuan penyelenggaraan sekarang ini, buku bertulisan jawi itu dinamakan Naskhah C. Ini adalah cetakan awal oleh Jelutung Press. Naskhah ini telah dipilih untuk dijadikan asas dalam penyelenggaraan ini. Diketahui wujud naskhah cetakan kedua oleh Jelutung Press dengan sedikit penambahan isi dan halaman. Sebenarnya naskhah-naskhah cetakan jawi oleh Jelutung Press, baik yang awal atau yang kedua, sudah amat berkurangan dalam pasaran, pada masa cetakan rumi atau Naskhah B telah diedarkan dalam tahun 1968.

Naskhah D

Setelah kajian teks dilakukan, didapati pihak Jelutung Press pernah membuat cetakan ulangan. Cetakan ulangan itu adalah atas kehendak penulis asal, sebab didapati telah dimasukkan beberapa fakta baru dalam halaman tambahan. Buku bertulisan jawi itu dinamakan Naskhah D.

Naskhah-naskhah tersebut di atas mempunyai perbezaan yang ketara antara satu dengan yang lain, dari segi kandungan, jenis teks dan fizikalnya. Pada masa sekarang ini dalam pasaran buku semasa sudah tidak ada lagi naskhah-naskhah ini.

SIFAT-SIFAT NASKHAH

Naskhah A terkandung dalam lembaran kertas setebal 146 halaman, tersimpan di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, dinomborkan dalam katalog sebagai MS 100. Mohd Zahid bin Mohd Shah mengatakan, *'Buku At-Tarikh negeri Kedah Daru'l-aman yang diusahakan ini ada-lah salinan daripada naskhah asal tulisan tangan huruf Arab yang di-tuliskan dalam tahun 1927 oleh Enche' Muhammad Hassan J.P. anak To' Kerani Muhammad Arshad, Kerani Rahsia Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia. Naskhah asal itu*

kepunyaan Enche' Soda bin Mohd. Hassan dan dihadaiahkan-nya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Naskhah itu mempunyai 146 halaman, dan berukuran 8" x 14" x 1/4".¹

Naskhah asal itu mungkin telah lama disimpan oleh Muhammad Hassan sendiri, yang kemudian diwarisi oleh anaknya Encik Soda. Setelah beberapa lama disimpan olehnya barulah dihadaiahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Manuskrip itu ditulis menggunakan dakwat hitam dan merah. Keadaannya kurang memuaskan kerana dakwat yang digunakan telah kembang meresap ke dalam kertas. Pada kertas yang digunakan terdapat tera air (water-mark) 'Guthrie & Co. Ltd'.²

Naskhah B, buku cetakan tulisan rumi 1968 itu terkandung dalam 332 halaman. Jika dibandingkan dengan Naskhah A, naskhah baru ini sangat mudah dibaca kerana telah dimasukkan tanda-tanda baca yang sesuai, dan diadakan paragraf dan bab yang memudahkan pembaca. Dalam selenggaraan itu, Mohd. Zahid mengatakan bahawa ia telah 'menyalin daripada naskhah asal tulisan tangan', tetapi ia telah dengan sengaja **mengubah jalan bahasa Naskah A** itu, kerana pada pendapat beliau ia perlu dilakukan supaya mudah difahami oleh pembaca pada masa itu. Dengan itu perbezaan antara keduanya menjadi ketara, bukan sahaja kerana ia bertulisan rumi, tetapi yang lebih penting ialah ayat-ayatnya yang telah berubah walau pun isinya hampir serupa.

Dan ada kalanya, perubahan ayat-ayat tersebut telah memesongkan sedikit makna, daripada konteks asalnya. Kesimpulannya, walau pun naskhah rumi ini menggunakan Naskhah A yang asal sebagai asas selenggaraan, namun dengan jelas pihak penyelenggara telah mengadakan beberapa perubahan. Dengan itu, sesetengah pengkaji berpendapat bahawa hasil transliterasi rumi 1968 atau Naskhah B ini tidak dapat mewakili kerja asal pengarangnya.

¹ Mohd. Zahid bin Mohd. Shah, 1968. **At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah** (transliterasi rumi), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, halaman xxi.

² Jelani Harun, 2006. Artikel dalam buku selenggaraan '**Warisan Mahawangsa Kedah**', terbitan PSMCK, halaman 105, berasaskan Katalog Manuskrip di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka yang diselenggarakan oleh Raja Masitah Raja Ariffin.

Naskhah C ialah buku edisi awal berhuruf cetakan jawi yang diterbitkan oleh Jelutong Press dalam tahun 1928. Buku ini sering dianggap sebagai mewakili manuskrip asal, iaitu Naskhah A.

Naskhah C ini sering dikatakan terdiri daripada 440 halaman, tetapi sebenarnya ia hanya terdiri daripada 386 halaman. Sebenarnya telah berlaku kesalahan penomboran pada buku cetakan tersebut. Nombor halaman yang betul hanyalah daripada muka surat 1 hingga 140 sahaja. Muka surat 141 telah tersalah tulis menjadi muka surat 201. Perkara ini memang telah disedari semenjak awal percetakannya dan telah dinyatakan dengan suatu nota pendek pada sebelah dalam kulit buku hadapan, seperti berikut: *'Dimaklumkan adalah di dalam hikayat Salasilah Negeri Kedah ini telah tersilap cap mukanya daripada nombor 201 hingga nombor 441, yang sebenarnya 141 hingga akhirnya 381 berturut-turut'*.

Keseluruhan teks telah tercetak pada tiap-tiap halaman di dalam garisan kotak berukuran 9.0 cm x 14.8 cm, kecuali nama buku 'At-Tarikh Salasilah' dan angka halaman, yang tertulis di luar kotak itu. Dapat dikesan juga ukuran buku cetakan ini ialah 10 cm x 15.5 cm.

Naskhah C ini adalah naskhah yang dipilih untuk ditransliterasikan, daripada huruf cetakan jawi kepada rumi, bagi tujuan selenggaraan dan terhasillah buku yang sedang ditatap ini.

Buku cetakan awal ini diterbitkan pada 7 haribulan Rabiul-awwal, tahun 1347 Hijrah, bersamaan tahun 1928 Masihi, seperti yang tercatat.

Dalam Naskhah C ini, kita dapat lihat **tiga perbezaan** yang ketara, berbanding dengan Naskhah D dan naskhah-naskhah yang lain:

Pertama, dalam naskhah awal ini tidak terdapat halaman-halaman tambahan, iaitu sebanyak 6 muka surat, berbanding Naskhah D. Muka surat tersebut ialah 366-alif, 366-ba, 392-alif, 392-ba, 400-alif dan 400-ba, menjadikan jumlah halamannya ialah 387. Dan jika diambil kira halaman pendahuluan di hadapan, iaitu halaman <i> dan <ii>, maka jumlah semuanya ialah 389 halaman, bukan 441 halaman seperti yang tertulis pada muka surat terakhir kitab ini. Sehubungan itu, kaedah yang digunakan untuk menambah

muka surat ialah dengan cara membuat plat-plat baharu, yang dinyatakan muka surat tambahannya.

Kedua, dalam naskhah selenggaraan ini juga tidak terdapat fakta tambahan, jika dibandingkan dengan cetakan kedua. Tambahan fakta pada cetakan kedua menyebabkan aturan huruf-huruf dalam beberapa plat lama terpaksa diubah. Setakat halaman 366, semua kandungan isinya sama. Selepas halaman 366, ditambahkan fakta baru dalam halaman 366-alif dan 366-ba yang tidak ada dalam naskhah C ini. Mulai halaman 367, kandungan isinya sama semula. Selepas halaman 390 terdapat perbezaan lagi berbanding Naskhah D. Telah ditambah isinya dalam halaman 391, diteruskan hingga halaman 392 dan ditambah pula halaman 392-alif dan 392-ba. Berikutnya, halaman 397 juga telah diubah sedikit, diikuti dengan perubahan pada halaman 398, 399 dan 400 untuk penambahan isi. Selepas halaman 400, ditambah plat baru sebagai halaman 400-alif dan 400-ba. Mulai halaman 401, tidak ada lagi perubahan dilakukan, hingga halaman akhir. Maknanya, halaman selepas 401 bagi naskhah B dan naskhah C dan D ini adalah sama.

Dari sudut penambahan isi didapati Naskhah C ini adalah sama dengan Naskhah A iaitu manuskrip asal dan Naskhah B iaitu cetakan rumi tahun 1968. Fakta-fakta tambahan yang baru dimasukkan itu memang tidak ada dalam Naskhah A (manuskrip asal), Naskhah B (rumi, 1968) dan Naskhah C (cetakan jawi awal, 1928). Antara contohnya ialah fakta mengenai perancangan pembinaan Masjid Zahir dan tentang majlis pembukaannya rasminya.

Ketiga, terdapat pula perbezaan yang amat penting antara Naskhah C (cetakan jawi awal 1928), berbanding dengan naskhah A (manuskrip awal) dan B (rumi, 1968). Dalam naskhah A dan B itu terdapat satu fakta, yang tidak ada dalam Naskhah C. Fakta yang sama juga tidak ada dalam Naskhah D (cetakan jawi ulangan, 1928). Fakta yang dimaksudkan ialah suatu frasa pada halaman 242, paragraf ke-2, yang berbunyi:

"Maka pada tujuh belas haribulan Muharram, Hijrah seribu tiga ratus sepuluh [1310], ***Raja Maha Besar mengurniai sebiji bintang emas berupa bujur telor kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Maka pada sembilan belas haribulan Muharram, tahun Hijrah seribu tiga ratus sepuluh (1310),*** bersamaan tiga belas Ogos, al-Masihi 1892, bermohon kepada

Raja Maha Besar berangkat balik ke Kedah".³ Ayat-ayat yang dicondongkan di atas tidak terdapat dalam naskhah C yang sedang diselenggara ini.

Kemungkinan besar bahagian tersebut telah tertinggal semasa mengatur huruf ketika proses membuat plat untuk cetakan Jawi tahun 1928 ini. Kesilapan atur huruf seperti ini telah menghasilkan kecaciran fakta yang jelas.

Namun, ketiadaan fakta dalam naskhah C dan D berbanding naskhah A dan B seperti dijelaskan di atas, menunjukkan ada kekeliruan terjadi. Dijangka pencetak terkurang mengambil fakta dari manuskrip A. Atau, barangkali pencetak juga telah menggunakan manuskrip lain pula untuk tujuan panduan cetakan, belum dapat dipastikan. Namun, masih boleh diyakini bahawa pihak Jelutung Press telah menggunakan Naskhah A yang asal sebagai panduan semasa percetakan kitabnya.

Naskhah D ialah buku cetakan ulangan oleh Jelutung Press juga, yang berhuruf jawi, yang menggunakan plat-plat yang sama dengan Naskhah C, seperti dijelaskan di atas. Bezanya, terdapat sedikit tambahan fakta dan beberapa halaman. Dengan itu kebanyakan halaman buku cetakan ulangan ini sama dengan cetakan awal iaitu Naskhah C.

Tidak diketahui bilakah tarikh sebenar cetakan ulangan atau edisi kedua ini diterbitkan, tetapi ia masih menggunakan sebahagian besar plat-plat lama, termasuk plat lama yang bertarikh cap pada 7 haribulan Rabiul-awwal, tahun 1347 Hijrah. Kewujudan naskhah cetakan Edisi Kedua atau Edisi Ulangan ini kurang disedari oleh ramai pengkaji.

Didapati, halaman 1 hingga 140, diikuti dengan halaman 141 seterusnya ke atas, adalah sama dengan Naskhah C, cetakan awal, kecuali beberapa halaman tambahan.

³ Mohd. Zahid bin Mohd. Shah, 1968. *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman* (transliterasi Rumi), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, halaman 242, paragraf ke-2.

ANALISIS

Transliterasi dan selenggaraan Naskah C ini dibuat dengan berpandukan pada salinan-foto, yang disalin daripada simpanan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah, kerja selenggaraan dibantu dengan merujuk pada Naskah D, iaitu salinan-foto yang tersimpan di perpustakaan Muzium Negeri Kedah, Naskah B iaitu cetakan rumi tahun 1968 serta imej siber Naskah A yang dipaparkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.

Penceritaan dalam kitab ini sama seperti kitab-kitab lama yang lain, yang tidak mempunyai tanda baca yang sesuai dan tidak mempunyai paragraf. Keadaan ini sungguh menyulitkan dan dapat menghilangkan daya tarikan membacanya, walau pun bagi seorang pengkaji. Namun, naskah rumi yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tahun 1968 telah banyak membantu, walau pun beberapa jalan bahasa telah diubah. Selenggaraan itu telah banyak menyelesaikan masalah untuk kita mengetahui nama-nama orang terutamanya nama-nama asing seperti Penasihat Inggeris, yang ditulis dalam huruf Jawi.

Penceritaan dalam kitab At-Tarikh Salasilah ini telah ditamatkan oleh pengarang hingga pada tahun 1926, iaitu ketika kedatangan Penasihat Inggeris, T.W. Clayton.

Sebenarnya, sebelum tertulis kitab At-Tarikh Salasilah ini, telah wujud beberapa kitab yang isinya menceritakan selok-belok masyarakat Kedah zaman silam, seperti Hikayat Merong Mahawangsa, Syair Sultan Maulana, Syair Duka Nestapa, Peringatan Raja-Raja Kedah dan Tarikh atau Salasilah Kerajaan Kedah. Namun, jika dibandingkan semuanya, kitab ini boleh dianggap yang paling unggul, terutamanya kerana ia memngemukakan tarikh-tarikh yang lengkap. Walau pun sesetengah tarikh yang dikemukakan oleh pengarang didapati tidak selaras dengan tarikh sebenar, namun fakta kejadian yang dikemukakan beliau boleh dianggap tepat. Isi kandungannya merangkumi berbagai-bagai aspek perbincangan.

Di samping itu, jika dilihat dari sudut genre maka kitab At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman ini tidaklah seluruhnya sama dengan kitab-kitab lain hasil karya di Alam Melayu. Kitab-kitab tersebut selalunya dianggap oleh pengkaji sebagai hasil kesusasteraan Melayu tradisional yang termasuk dalam genre

'sastera sejarah'⁴. Sebaliknya, kitab ini menyimpan khazanah dokumentasi Kesultanan Kedah Darul Aman. Sebab itu ia dapat menjadi sumber rujukan utama yang sangat penting hingga pada masa sekarang. Setakat ini belum ada buku lain yang boleh menandingi *At-Tarikh Salasilah* dari segi autoriti dan sudut pernyataan salasilah raja-raja Kedah yang sangat lengkap. Maka, kitab *At-Tarikh Salasilah* telah terkeluar dari kumpulan 'hasil kesusasteraan' atau 'karya sastera', kerana ia jelas menunjukkan sifat sebagai sebuah 'karya sejarah'.

OBJEKTIF TRANSLITERASI

Usaha kerja mentransliterasi kitab *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ini dilakukan dengan beberapa tujuan berikut:-

Pertama, dengan kesukaran mendapatkan bahan-bahan bacaan dan rujukan yang berkaitan dengan negeri Kedah, khususnya buku *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ini yang boleh dikatakan sudah pupus dalam pasaran buku, maka ia perlu diketengahkan semula.

Kedua, memenuhi kehendak masyarakat baru yang kurang berminat membaca buku-buku dalam bentuk tulisan jawi. Masyarakat pembaca jawi nampaknya semakin pupus, maka kitab *At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ini perlu dirumikan.

Ketiga, dengan perkembangan teknologi maklumat semasa, didapati golongan muda lebih gemar membaca tulisan-tulisan dalam media sosial berkaitan sejarah, yang kadang-kadang tidak menepati fakta sebenar. Diharap buku transliterasi ini dapat menjadi rujukan dan memberikan panduan berkaitan fakta sebenar sejarah negeri Kedah.

Keempat, dengan memahami fakta sejarah yang betul diharapkan dalam jangka masa panjang buku ini dapat membantu dalam pembentukan jatidiri, norma dan sahsiah masyarakat kita pada masa akan datang.

Kelima, bagi memudahkan pembaca mengikuti isi kandungan kitab asal, maka buku transliterasi ini dilakukan sedikit penyesuaian

⁴ Siti Hawa Haji Salleh, 1998, *Hikayat Merong Mahawangsa*, terbitan bersama Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, halaman xiii.

“Saya yakin, walaupun Muhammad Hassan tidak menyatakan sumber rujukan penulisannya, tetapi beliau tentu mempunyai koleksi sumber-sumber penting, yang terdiri daripada sumber-sumber luar, simpanan catatan beliau sendiri serta pengalaman beliau sendiri, kerana beliau pernah berkhidmat sebagai ‘kerani rahsia’ Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah ke-26”

Dato' (Dr.) Haji Wan Shamsudin Mohd Yusof, Tokoh Sejarah Kedah.

“Dari segi tema, buku ini masih meneruskan tradisi salasilah Melayu yang berpusat kepada pemegang kuat-kuasa (istana-centric). Ini dapat dilihat dari naratif, salasilah dan anekdot-anekdot yang ditulis. Di dalamnya dapat diperolehi salasilah keluarga diraja dari awal hingga pengarang menamatkan cerita.”

Allahyarham Prof Madya Dr. Mohd Isa bin Othman, Tokoh Sejarah Kedah, dalam 'Cetera', Januari 1995, Jurnal PSMCK, keluaran Januari 1995.

